

KEWAJIPAN MENGELUARKAN ZAKAT SURAH AL-TAUBAH : 103

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

HURAIAN

Zakat merupakan salah satu sumber pembangunan ekonomi Islam. Kewajipan menunaikan Rukun Islam yang keempat ini tidak boleh dipandang mudah. Ini kerana ia adalah hak orang lain dan keengganan mengeluarkan zakat dikira merampas hak orang lain dan berdosa besar. Dengan sebab itu, mengeluarkan zakat dapat mensucikan diri dari dosa, harta diberkati dan membuang sifat yang buruk seperti bakhil, mementingkan diri sendiri, tamak dan sebagainya. Di samping itu, mendoakan kebaikan kepada pengeluar zakat bukan sahaja menenangkan hati dan jiwa mereka, malah memupuk perasaan saling berkasih sayang dan tolong menolong sesama insan.

KESIMPULAN

Zakat wajib ditunaikan apabila cukup syarat-syaratnya. Selain menjadi sumber ekonomi ummah, ia juga boleh mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Sumber : *Koleksi Artikel Tafsir JAKIM*

© 2009 Masjid Negara Online.